

# Qalam

KDN 2180

M.C. (P) 2813/58

Rabi' al-Akhir 1386

August 1966

Bilangan 193

60 Sen

## Rang Undang-undang Hukum Islam

### Di Singapura

#### Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum

Islam di Singapura yang telah dibawa ke dalam *Parliament* Singapura telah dikaji oleh Jawatankuasa Pilihan yang menerima fikiran-fikiran dari badan-badan umat Islam terhadap undang-undang tersebut dan suatu siaran mengenai pendapat-pendapat yang dikemukakan kepada jawatankuasa itu telah pun dikeluarkan untuk pengetahuan umum.

Di dalam siaran yang tersebut tidak ada pendapat-pendapat sama ada bertulis atau berjumpa yang dikemukakan oleh 17 badan-badan Islam yang bergabung yang mengkaji rang undang-undang itu yang menurut punca-punca yang dipercayai bahawa mereka telah meminta penangguhan masa mengkajinya dengan saksama tetapi kerajaan tidak mahu menangguhkan selain daripada lima belas hari dan mungkin dengan kerana itulah badan yang bergabung itu tidak dapat menyempurnakan tugasnya untuk memberi pendapat dan fikiran kepada Jawatankuasa Pilihan yang tersebut. Mungkin mereka tidak mahu terlibat di dalam perkara-perkara yang bertentangan dengan sesuatu yang boleh jadi akan dilaksanakan di dalam rang

undang-undang itu sekalipun tidak diperkenani dan dipersetujui umat Islam dan mereka tidak bersyubhah menyertai dalam suatu hukum yang mengenai umat Islam yang terletak hawa nafsu di dalamnya.

Jawatankuasa Pilihan untuk menerima dan mengkaji pendapat-pendapat atas undang-undang hukum Islam Singapura seperti berikut:

*Speaker* (Tuan A.P. Rajah)

Pengerusi, En. Abdul Rahim Ishak

M.P. Menteri Negara Bagi

Pelajaran, En. Buang bin Omar Junid

M.P., Setiausaha *Parliament*

bagi Timbalan Perdana Menteri;

En. Mohamed Ariff bin Suradi

M.P., En. Othman Wok

M.P., Menteri Kebudayaan dan

Hal Ehwal Masyarakat; En. Rahmat bin

Kenap M.P., Tuan Haji Ya'acob

bin Mohamed M.P., Menteri Negara

bagi Jabatan Perdana Menteri.

Semuanya nama-nama yang tersebut itu adalah menjadi anggota Melayu di dalam Parlimen Singapura dan dengan niat tidak sedikit pun mengecilkkan kebolehan-kebolehan mereka di dalam perkara am tetapi dari nama-nama itu kita mengenal boleh dikata semua Jawatankuasa Pilihan itu tidak langsung terdiri dari orang-orang yang boleh, menurut pendapat kita, kelayakannya dipakai di dalam menentukan suatu hukum yang ada kaitannya dengan hukum-hukum Islam dan dengan kerana itu kelak apabila soal-soal itu dikemukakan ke dalam *Parliament* maka tentunya tidak akan memuaskn umat Islam kepada undang-undang itu dan mungkin kelak undang-undang itu

adanya ada orang yang memandang, sebagai suatu tangga untuk menyekat kebebasan orang Islam dan agamanya; dan boleh juga menimbulkan sangkaan-sangkaan mengapa hanya kepada umat Islam sahaja diadakan sedang kepada umat lain tidak.

Ada seperkara yang mungkin menggelikan setengah orang kalau menatap dengan saksama kepada *report* Jawatankuasa Pilihan itu iaitu kedudukan Peguam Agung kerajaan. Dengan tidak mengecilkkan walau sedikit pun kebolehan dan kelayakan beliau tetapi yang menimbulkan pertanyaan iaitu kedudukan peribadi beliau ialah (1) penaja undang-undang itu, (2) kedudukan beliau di dalam Majlis Penasihat Kerajaan, (3) kedudukan beliau di dalam Jamiyah al-Da'wah al-Islamiyyah dan (4) adanya beliau di dalam *Select Committee*, di dalam mana, daripada apa yang kita baca beliau mengambil peranan yang penting di dalam Jawatankuasa Pilihan itu dengan kerana jawatannya, sudah tentu, hal ini akan menimbulkan sangkaan-sangkaan orang jadi beliaulah menggunakan kebijaksanaan supaya apa dirangka beliau sampai kepada tujuan yang dikehendaki; padahal beliau sendiri mengaku di dalam suatu syarahan bahawa beliau malu menerima gelaran seorang ahli (*authority*) di dalam hukum Islam sedang beliau hanya mengkaji Islam bukan daripada original tetapi daripada sebuah dua kitab-kitab *faqih* sahaja yang diterjemahkan daripu<sup>1</sup> bahasa Arab ke bahasa Inggeris.

Demikian juga keadaannya daripada Jawatankuasa Pilihan semuanya duduk di pihak kerajaan, sekalipun mereka beragama Islam dan orang Islam, tetapi mungkin ada orang berani

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah daripada.